



KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

KENYATAAN MEDIA

3 NOVEMBER 2017/14 SAFAR 1439H (JUMAAT)

SIDANG MEDIA KHAS MENGENAI BAJET 2018 OLEH YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB, MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

PUTRAJAYA - YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah hari ini mengadakan satu sidang media khas mengenai Bajet 2018 KKLW bertempat di Ibu Pejabat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, di sini. Dalam sidang media khas ini, YB Dato' Sri Ismail Sabri memaklumkan intipati-intipati penting Bajet 2018 yang melibatkan peruntukan kepada KKLW seperti berikut:

TOUCHPOINTS BAJET 2018 YANG MELIBATKAN KKLW

- Jumlah keseluruhan peruntukan yang diluluskan untuk KKLW dalam bajet 2018 adalah berjumlah RM9.483 bilion iaitu terdapat peningkatan sebanyak 6.66% (+RM0.592 bilion) dari peruntukan tahun 2017 yang berjumlah RM8.891 bilion.
- Secara umumnya KKLW menerima peruntukan Belanja Mengurus sebanyak RM5.614 bilion, manakala Belanja Pembangunan diluluskan sebanyak RM3.869 bilion iaitu kekal sebagai Kementerian yang menerima peruntukan Belanja Pembangunan kedua tertinggi selepas Jabatan Perdana Menteri.

- Agihan peruntukan Belanja Pembangunan turut mengekalkan tumpuan pembangunan luar bandar di Negeri Sabah dan Sarawak dengan anggaran peruntukan masing-masing sebanyak RM927.635 juta (23.98%) dan RM1.103 bilion (28.52%) iaitu 52.50% daripada jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan KKLW.
- Ini menunjukkan bahawa pihak Kerajaan terus memberi tumpuan dan perhatian yang tinggi kepada 7.8 juta penduduk luar bandar atau 26.9% daripada jumlah penduduk Malaysia untuk menikmati kesejahteraan kehidupan dan pembangunan ekonomi yang berterusan di luar bandar.

Highlights kepada Bajet 2018 adalah seperti berikut:

1) PRASARANA

- **RM934 juta** diperuntukkan untuk **Projek Jalan Luar Bandar**, termasuk hampir RM500 juta untuk negeri Sabah dan Sarawak;
- **RM672 juta** diperuntukkan untuk **Bekalan Elektrik Luar Bandar**, termasuk RM620 juta untuk negeri Sabah dan Sarawak melibatkan 10,000 unit rumah luar bandar; dan
- **RM420 juta** diperuntukkan untuk **Bekalan Air Luar Bandar**, termasuk hampir RM300 juta untuk negeri Sabah dan Sarawak disediakan bagi bekalan air bersih meliputi 3,000 unit rumah.

2) PENDIDIKAN DAN MODAL INSAN

- **RM2.5 bilion** diperuntukkan untuk **biasiswa pengajian tinggi dan latihan** di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) merupakan peruntukan tertinggi untuk memanfaatkan hampir 90,000 orang pelajar;

- **RM200 juta** diperuntukkan untuk **Program *Graduate Employability Training Scheme (GETS)*** di bawah MARA dalam Dasar Transformasi Kesejahteraan Bumiputera;
- **RM50 juta** diperuntukkan untuk **penyelenggaraan MRSM**;
- **RM50 juta** diperuntukkan untuk **membaik pulih dan menyenggara pendawaian di semua sekolah Tahfiz berdaftar** oleh Giatmara; dan
- **SKIM Latihan Kemahiran Giatmara** diperkenalkan kepada sekolah Tahfiz

3) **ORANG ASLI**

- **RM60 juta** diperuntukkan untuk **Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli** dalam memacu inklusif di Malaysia;
- **RM50 juta** diperuntukkan untuk **meningkatkan taraf hidup dan pembangunan ekonomi Orang Asli** meliputi bantuan makanan komuniti, yang turut memanfaatkan 5,000 orang pelajar; dan
- **RM3,000** diberikan sebagai **bantuan pengajian untuk masyarakat Orang Asli** di mana peruntukan diberikan kepada ibu bapa untuk persediaan anak-anak ke Institusi Pengajian Tinggi Awam.

4) **PROGRAM KEUSAHAWANAN**

- **RM80 juta** diperuntukkan untuk **Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED)** bagi usahawan bumiputera desa;
- **RM200 juta** diperuntukkan untuk **Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres dan Pembiayaan Mudah Jaya (SPIKE)** di bawah MARA;
- **RM25 juta** diperuntukkan untuk Motosikal Roda Tiga, **Program *Mobilepreneur* Giatmara dan MyAGROSIS**.

5) **PERTANIAN – PEMBANGUNAN PENANAMAN SEMULA**

- **RM140 juta** diperuntukkan untuk **pembangunan dan penanaman semula kelapa sawit**; dan
- **RM200 juta** diperuntukkan untuk **pembangunan dan penanaman semula getah**.

6) **KETUA KAMPUNG DAN TOK BATIN**

- **RM1,500** bayaran khas *one-off* dibayar kepada Ketua-ketua kampung dan Tok Batin.

7) **KEMAS**

- **RM142 juta** diperuntukkan untuk **Bantuan Makanan Tambahan**;
- **RM20 juta** diperuntukkan untuk **Bantuan Geran Perkapita**; dan
- **RM2.5 juta** diperuntukkan untuk **Pembaikan Bangunan**.

Pada penghujung sesi Sidang Media Khas ini, YB Dato' Sri Ismail Sabri mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YAB PM atas kejayaan penyediaan Bajet 2018 yang bertemakan "Memakmur Ekonomi Yang Inklusif, Mengimbang Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi Demi Mensejahtera Kehidupan Rakyat, Menuju Aspirasi TN50". Beliau turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri kerana masih memberi keutamaan bajet kepada KKLW termasuk di negeri Sabah dan Sarawak. Beliau menyifatkan bahawa Bajet 2018 ini merupakan penghargaan yang bermakna kepada masyarakat khususnya luar bandar kerana bajet ini selari dengan pe-tunjang dalam mengungguli Pembangunan Pendidikan, Latihan, kemahiran, dan keusahawanan dalam memacu pembangunan inklusif seiring dengan Transformasi Luar Bandar iaitu "Membandarkan Luar Bandar". Ini akan menjadikan kawasan luar bandar lebih kondusif dengan pelbagai aksesibiliti dan kemudahan seperti infrastruktur, pembangunan modal insan dan aktiviti ekonomi.

PENUTUP

Bajet 2018 kepada KKLW akan dapat menjana pendapatan masyarakat luar bandar untuk menangani kos sara hidup melalui pelbagai program keusahawanan seperti program seperti *Mobilepreneur*, aktiviti ekonomi tambahan, keusahawanan dan mencipta peluang pekerjaan di luar bandar. Bajet ini juga diyakini dapat menggalakkan generasi muda untuk kekal tinggal di luar bandar dan membina masa depan di luar bandar. Dengan peruntukan yang diperolehi KKLW menerusi Bajet 2018 ini, YB Dato' Sri Ismail Sabri turut menekankan bahawa lebih banyak kejayaan akan dapat dicapai dalam konteks kemajuan luar bandar termasuklah membina kependudukan yang selesa dan holistik di kalangan masyarakat desa di Malaysia.

-TAMAT-

***Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
Tel: 03-8891 5940, Faks: 03-8888 2367
Emel: ukk@rurallink.gov.my***